

05/04/1998

Politik Umno semakin teruk

A Nazri Abdullah

SEMEMANGNYA Umno semakin teruk. Pelbagai pancaroba sedang melanda, semuanya angkara keghairahan untuk berebut jawatan. Tradisi, adat dan segala pantang larang parti diketepikan semata-mata kerana inginkan jawatan dalam parti. Walaupun tidak semua bahagian Umno menyaksikan perebutan jawatan ketua bahagian, kegamatannya sudah cukup membimbangkan. Semakin banyak peraturan dibuat semakin menjadi-jadi pula politik adu domba, politik waampusana waampusini dan politik wang. Peraturan dan disiplin parti sudah menjadi sampah kerana politik Umno hari ini adalah politik diri sendiri. Apa tidaknya, ramai ahli Umno yang tidak segan silu masuk bakul angkat diri sendiri.

Keadaan sekarang sudah menjadi terbalik kuang. Kalau dulu ahli Umno memilih pemimpin, tetapi kini, yang hendak jadi pemimpin tonjol diri sana sini, melobi dan membeli ahli. Justeru, tidak hairanlah mengapa pemilihan di peringkat bahagian lebih rancak dan gamat daripada pilihan raya umum. Ahli Umno bekerja lebih kuat untuk memenangkan calon mereka dalam pemilihan bahagian berbanding pilihan raya. Oleh kerana keghairahan pertandingan bahagian begitu memuncak, pelbagai taktik dan strategi digunakan sehingga ada yang sanggup menipu. Hakikat bahawa Majlis Tertinggi terpaksa menghantar wakilnya memerhati perjalanan mesyuarat beberapa bahagian Umno, membuktikan betapa seriusnya huru-hara politik Umno di sesetengah bahagian.

Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno perlu bermesyuarat setiap hari jika semua aduan hendak disiasat. Betapa cekap sekalipun Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyasat, kita tidak yakin badan itu dapat menghapuskan politik wang dalam Umno. Undang-undang dan peraturan tidak boleh mendisiplinkan ahli Umno sekiranya idealisme perjuangan dan nasionalisme Melayu-Umno sudah tidak ada. Perjuangan untuk bangsa, negara dan agama cuma kata-kata hambar pemanis mulut. Materialisme sudah menggantikan nasionalisme perjuangan Umno. Jawatan dalam parti tidak lagi menjadi wadah perjuangan untuk bangsa, negara dan agama tetapi sebagai penghubung dengan pusat kuasa yang menjanjikan habuan lumayan.

Kalau mereka benar-benar ikhlas berjuang untuk bangsa dan negara, mengapakah timbalan ketua bahagian hendak jatuhkan ketua bahagian, mengapakah yang sudah jadi wakil rakyat hendak rebut ketua bahagian, mengapakah yang sudah jadi Exco pun sanggup letak jawatan (mungkin dijanji lantik semula) untuk rebut ketua bahagian? Perjuangan untuk rakyat tidak penting, yang penting jawatan ketua bahagian mengesahkan status perwakilan ke perhimpunan agung. Sebagai perwakilan bahagian, taraf mereka dalam struktur parti sama dengan Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar dan Setiausaha Parlimen. Peluang berjumpa dengan pemimpin yang berkuasa dalam kerajaan menjadi lebih penting jika ada pertandingan di peringkat pusat. Tenaga mereka amat diperlukan dan inilah masanya untuk menagih ganjaran lumayan.

Beberapa kejadian aneh berlaku sepanjang pemilihan peringkat bahagian yang kadang kala melucukan. Bahagian Klang, Selangor terpaksa mesyuarat semula kerana ada protes. Dalam pertandingan 15 Mac, Adnan Zakaria mendapat 171 undi manakala penyandang Ketua Bahagian Senator Zakaria Md Deros mendapat 167 undi. Peliknya apabila pemilihan diadakan semula keputusannya terbalik. Zakaria mendapat 206 undi manakala Adnan 135 undi. Dalam tempoh dua minggu saja selera perwakilan boleh berubah dengan banyak. Bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian Selandar, Melaka, dua calon

mendapat undi yang sama iaitu 144 undi selepas dua kali pengundian dibuat. Akhirnya keputusan terpaksa dibuat dengan melontar wang syiling.

Satu bahagian di Melaka terpaksa melarikan lebih 100 perwakilan ke Selangor bagi mengelak daripada dibeli oleh calon yang ingin merebut ketua bahagian. Seorang ketua bahagian di Perak terpaksa membuat fatwa sendiri bagi mententeramkan penyokongnya yang disogok wang oleh calon yang menentangnya. Katanya, kalau diberi wang ambillah dan niat sebagai sedekah tetapi undi saya. Cara ini dapat pahala. Kalau kita ambil wang dan undi dia, ini namanya rasuah dan berdosa. Selain daripada fatwa, bermacam sumpah dan janji ditaburkan sepanjang pemilihan bahagian. Ada calon kononnya diminta bersumpah minum air zamzam. Ada pula yang memasukkan wang dalam al-Quran dan meminta ahli bersumpah.

Sememangnya politik Umno sudah teruk. Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat mengesan bahang ini lantas Majlis Tertinggi membuat keputusan ketua bahagian yang menjadi ahli Majlis Tertinggi menang tidak bertanding dan yang tidak menjadi ketua bahagian tidak boleh merebut jawatan. Kalau keputusan itu tidak dibuat, pertandingan merebut jawatan ketua bahagian tentulah lebih parah. Peringatan Dr Mahathir bahawa Umno akan kalah dalam pilihan raya jika orang Melayu yang tidak menjadi ahli Umno benci dengan Umno, perlu dilihat sebagai amaran yang amat keras. Kemenangan calon Umno/Barisan Nasional dalam pilihan raya bukanlah kerana sokongan ahli Umno, tetapi sokongan hampir 10 juta orang Melayu yang tidak menjadi ahli Umno. Kebimbangan ini amat nyata kerana sudah ada ahli Umno sendiri yang mulai benci dengan parti itu dan meluat melihat perangai dan gelagat pemimpinnya bermain politik.

(END)